**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEGAWAI FARMASI**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PERUBATAN DAN KESIHATAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **UF41, UF44, UF48, UF52, UF54** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) ijazah sarjana muda dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred UF41: RM2,739.42).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Farmasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Farmasi Gred UF41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

   (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan

   (b) had umur pelantikan:

      (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

      (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

      (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred UF41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

| | | |
|---|---|---|
| **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** | 8. | Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:<br>(a) memenuhi tempoh percubaan;<br>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** | 9. | Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| **KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI** | 10. | Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED UF44** | 11. | Pegawai Farmasi Gred UF41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Farmasi Gred UF44 yang kosong apabila telah:<br>(a) disahkan dalam perkhidmatan;<br>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br>(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan<br>(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED UF48** | 12. | Pegawai Farmasi Gred UF44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Farmasi Gred UF48 yang kosong apabila telah:<br>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br>(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED UF52** | 13. | Pegawai Farmasi Gred UF48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Farmasi Gred UF52 yang kosong apabila telah:<br>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br>(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED UF54** | 14. | Pegawai Farmasi Gred UF52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Farmasi Gred UF54 yang kosong apabila telah:<br>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br>(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI** | 15. | Pegawai Farmasi Gred UF54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. |

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Farmasi yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2009).